

Dr Mahathir makin pulih

BA-20/5/2007

BUTTERWORTH: Tun Dr Mahathir Mohamad dijangka keluar wad Institut Jantung Negara (IJN) beberapa hari lagi, kata anaknya, Datuk Mokhzani di sini, semalam.

Beliau berkata, kesihatan bapanya yang juga bekas Perdana Menteri, semakin pulih.

"Mungkin beberapa hari lagi, keluar dari IJN. Bapa sihat, malah bersemangat," katanya ketika ditanya pemberita pada majlis pelancaran Pusat Porsche Pulau Pinang di sini, semalam.

Dr Mahathir dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Langkawi, selepas mengadu sesak nafas 13 Mei lalu, sebelum dipindahkan ke IJN.